

## **BAB TIGA**

### **JENIS-JENIS PARTIKEL “AL” DALAM BAHASA ARAB**

#### **3.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini penulis akan membentangkan jenis partikel “al” yang terdapat dalam bahasa Arab serta memperincikan fungsi maknanya. Di samping itu juga penulis akan membincangkan aspek-aspek yang menjadi kekeliruan kepada pelajar dalam usaha mereka untuk menguasai penggunaan partikel “al” secara khusus dan menguasai bahasa Arab secara umumnya.

#### **3.1 Jenis-Jenis Partikel “al” Yang Utama (Induk)**

Partikel “al” dalam bahasa Arab boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian induk, yang seperti berikut :

- i. Partikel “al” Penentu.
- ii. Partikel “al” Penambah.
- iii. Partikel “al” Penyambung.


Setiap daripada jenis Partikel yang induk ini mempunyai cabang-cabangnya yang berikut :

## Cabang-cabang partikel “al” dalam bahasa Arab

- 3.1.1 Partikel Untuk Benda Hadir (أَلٌ لِلْعَهْدِ الْحُضُورِيِّ)
- 3.1.2 Partikel Untuk Benda Maklum (أَلٌ لِلْعَهْدِ الْعِلْمِيِّ)
- 3.1.3 Partikel Untuk Benda Yang Disebut (أَلٌ لِلْعَهْدِ الذِّكْرِيِّ)
- 3.1.4 Partikel Jenis Mutlak (أَلٌ لِلْجِنْسِ الْكُلِّيِّ أَوْ الذَّاتِيِّ)
- 3.1.5 Partikel Jenis Anggapan (أَلٌ لِلْجِنْسِ الْمَجَازِيِّ)
- 3.1.6 Partikel Jenis Hakikat (أَلٌ لِلْجِنْسِ الْحَقِيقِيِّ الذَّهْنِيِّ)
- 3.1.7 Partikel Sifat Pelaku (أَلٌ لِصِفَةِ الْفَاعِلِ)
- 3.1.8 Partikel Sifat Objek (أَلٌ لِصِفَةِ الْمَفْعُولِ)
- 3.1.9 Partikel Sifat Tabii (أَلٌ لِلصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ)
- 3.1.10 Partikel Tambahan Kekal (أَلٌ لِلزَّائِدَةِ اللَّازِمَةِ)
- 3.1.11 Partikel Tambahan Sengaja (أَلٌ لِلزَّائِدَةِ الْعَارِضَةِ الْإِضْطِرَّارِيَّةِ)
- 3.1.12 Partikel Tambahan Pilihan (أَلٌ لِلزَّائِدَةِ الْعَارِضَةِ الْإِخْتِيَارِيَّةِ)

Untuk memudahkan kefahaman sila lihat rajah di sebelah :

Rajah 3.1 Jenis Partikel “al” Dalam Bahasa Arab



### 3.1.1 Jenis Induk Yang Pertama Partikel Penentu al-ma'rifaṭ

Ialah Partikel “al” yang dipakai pada sesuatu lafaz untuk menunjukkan makna “penentuan”(لِلْعَهْدِ) lafaz berkenaan atau menunjukkan “kelompok” (لِلجِنْسِ) kepada unit-unit makna yang sama untuk lafaz berkenaan. Kedudukan Partikel penentu ini adalah merujuk kepada benda –benda berikut :-

#### 3.1.1.1 Partikel “al” Penentu Untuk Benda:

3.1.1.1 (a) Untuk Benda Hadir (أَلٌ لِلْعَهْدِ الْحُضُورِيِّ)

3.1.1.1 (b) Partikel Untuk Benda Maklum (أَلٌ لِلْعَهْدِ الْعِلْمِيِّ)

3.1.1.1 (c) Partikel Untuk Benda Yang Disebut (أَلٌ لِلْعَهْدِ الذِّكْرِيِّ)


#### 3.1.1.2 Partikel “al” Penentu Untuk Jenis:

3.1.1.2 (a) Partikel Jenis Mutlak (أَلٌ لِلجِنْسِ الكُلِّيِّ أَوْ الذَّائِيِّ)

3.1.1.2 (b) Partikel Jenis Anggapan (أَلٌ لِلجِنْسِ المَجَازِيِّ)

3.1.1.2 (c) Partikel Jenis Hakikat (أَلٌ لِلجِنْسِ الحَقِيقِيِّ الذَّهْنِيِّ)

Untuk memudahkan pemahaman sila lihat rajah berikut:



**Rajah 3.2 Jenis Partikel “al” Penentu**

### 3.1.2 Jenis Induk Kedua Partikel “al” Penyambung

Ialah Partikel “al” yang dipakai pada kata terbitan untuk membawa fungsi makna yang sama dengan ganti nama Sambung, iaitu “YANG” oleh itu, ia tidak memerlukan “jumlah Penjelas” (جُمْلَةٌ صِلَةٌ) selepasnya yang berlaku pada Ganti Nama Sambung.


Bentuk –bentuk Kata Terbitan utama yang sering digabungkan dengan Partikel ini adalah seperti berikut:-

3.1.2 (a) Partikel Sifat Pelaku (أَلٌ لِصِفَةِ الْفَاعِلِ)

3.1.2 (b) Partikel Sifat Objek (أَلٌ لِصِفَةِ الْمَفْعُولِ)

3.1.2 (c) Partikel Sifat Tabii (أَلٌ لِلصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ)

#### Rajah 3.3 Partikel “al” Penyambung




### 3.1.3 Jenis Induk Yang Ketiga Partikel “al” Penambah

Partikel jenis ini ialah Partikel “al” yang dipakai pada sesuatu lafaz sebagai “tambahan” dan bukan untuk tujuan “penentuan” atau “penggolongan jenis” atau “penyambung”. Penambahan Partikel ini berlaku seperti berikut:-

3.1.3 (a) Partikel Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)

3.1.3 (b) Partikel Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاضطرارية)

3.1.3 (c) Partikel Tambahan Pilihan (أل الزائدة العارضة الاختيارية)



Rajah 3.4 Partikel “al” Penambah

### 3.2 Fungsi-Fungsi Partikel “al”

Untuk menguasai Partikel “al” bahasa Arab dengan tepat, seseorang pelajar bahasa Arab perlu menguasai kesemua 12 jenis Partikel “al” tersebut seperti yang diterangkan dalam rajah 3.0. Ini bagi memastikan penggunaannya yang tepat dan betul sama ada dalam aspek pertuturan, penulisan dan penterjemahan. (Mohd Rosdi 2006). Justeru dalam bahagian ini penulis akan menerangkan fungsi-fungsi yang terdapat dalam partikel “al”.

Berikut adalah huraian dan fungsi-fungsi untuk setiap partikel diatas:

#### 3.2.1 Partikel Untuk Benda Hadir (أَلِ لِلْعَهْدِ الْحَضُورِيِّ)

Iaitu partikel yang ditambah pada kata nama yang merujuk kepada benda yang sedia diketahui dan ada bersama penutur dan pendengar sewaktu bercakap.

Contohnya: *اليوم عطلة رسمية, لا نعمل فيه*

Maksudnya “*hari ini adalah cuti rasmi. Kami tidak bekerja pada hari ini*”.

Partikel “al” pada kata nama (اليوم) dalam contoh tersebut merujuk kepada waktu terkini untuk hari tersebut ketika berlakunya ujaran. Fungsi makna ini kerap dipakai ketika merujuk kepada sesuatu proses komunikasi.



### 3.2.2 Partikel untuk benda maklum (أَل لِلْعَهْدِ الْعِلْمِيِّ)

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata nama yang merujuk kepada sesuatu yang tidak ada di hadapan penutur atau pendengar, tetapi ia sedia dimaklumi oleh mereka.

Contohnya: هَلْ اشْتَرَيْتَ الْجَرِيدَةَ

Maksudnya “*awak beli akhbar tak?*”

Dalam contoh tersebut, partikel “al” pada kata nama ( الْجَرِيدَةُ ) merujuk kepada akhbar yang sedia dimaklumi oleh penutur dan pendengar dialog berkenaan. Partikel ini adalah yang paling kerap dipakai dalam proses komunikasi seharian. Dalam bahasa Melayu, ia kerap kali tidak diujar dalam proses komunikasi dalam bahasa Melayu seperti yang kita lihat dalam terjemahan contoh di atas.

Perhatikan pelenyapan Partikel ini dalam contoh ini :

“ *Abah! Mintak duit*” , kata nama “*duit*” adalah merujuk kepada konsep wang yang sedia difahami . bagaimanapun dalam versi bahasa Arab terjemahan untuk kata nama “*duit*” tersebut perlu disertakan dengan partikel “al”.

Contohnya: “يَا ابْنَتِي ! أُرِيدُ النُّقُودَ”.

Maknanya: *Wahai anak perempuanku ! aku hendak duit*

### 3.2.3 Partikel Untuk benda yang disebut ( أَلِ لِلْعَهْدِ الذُّكْرِي )

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata nama yang merujuk kepada kata nama indefinite yang telah disebut oleh penutur pada kali pertama dan kemudiannya diulang sebut untuk kali yang kedua. (Abbas Hassan: 1964)

Contohnya: قَبِلْتُ سَيَّارَةً ، فَرَكِبْتُ السَّيَّارَةَ.

Maksudnya “ *setelah sebuah kereta tiba, saya pun naik kereta itu*”.

Partikel “al” pada perkataan ( السَّيَّارَةَ ) bermaksud merujuk kepada kata nama yang sama telah disebut sebelumnya. Kaedah penggunaan Partikel ini dalam bahasa Melayu adalah sama kaedah penggunaannya dalam bahasa Arab. Ia selalunya diterjemahkan dengan kata tunjuk “**ini**” atau “**itu**”.

### 3.2.4 Partikel Jenis Mutlak ( أَلِ لِلْجِنْسِ الْكُلِّيِّ أَوْ الذَّاتِي )

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata nama yang meliputi kesemua unsur sejenis yang sama untuk unit-unit makna lafaz berkenaan. (Abbas Hassan: 1964)

Contohnya “الانسانُ مُفَكِّرٌ”

Maksudnya “*manusia itu boleh berfikir*”.

Partikel ini agak sukar untuk dikesan oleh pelajar melayu berbanding tiga jenis partikel di atas, kaedah yang paling mudah untuk mengenalinya ialah apabila ia dipakai pada kata nama yang merujuk kepada kelompok atau jumlah keseluruhan yang mencakupi kesemua unsur makna yang “sejenis” dengannya. Ia boleh diganti dengan perkataan ( كَل ) . dalam contoh di atas.

Partikel “al” pada kata nama ( الإنسان ) bermaksud menyatakan makna bahawa perkataan tersebut meliputi semua unsur manusia yang ada di dunia ini tanpa terkecuali.

Untuk lebih jelas perhatikan fungsi Partikel ini dalam firman Allah, al-Asr

{ وَالْعَصْرُ , إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ }

Dalam ayat ini Partikel “al” pada perkataan ( الإنسان ) bermaksud meliputi kesemua unit-unit makna daripada jenis manusia, tanpa ada sebarang pengecualian untuk sesiapa pun. Maksudnya semua manusia dalam kerugian melainkan orang yang beriman dan beramal oleh, seperti yang diterangkan oleh ayat berikutnya.

### 3.2.5 Partikel Jenis (أَلٌ لِلْجِنْسِ الْمَجَازِيِّ)

Iaitu partikel yang ditambah pada kata nama yang meliputi semua unsur sejenis (yang sama) untuk unit-unit makna lafaz berkenaan pada anggapan penutur semata-mata.

Contohnya : أنتَ الرَّجُلُ عِلْمًا

Maksudnya “ *Andalah lelaki yang berilmu pengetahuan*”.

Dalam contoh tersebut, penutur menambah, Partikel “al” pada kata nama (الرجل) untuk merujuk semua unit-unit makna yang sejenis baginya secara anggapan atau dakwaan.

Partikel ini tidak kerap kita temui penggunaannya dalam penulisan dan komunikasi harian.

Ia selalunya dipakai untuk menyatakan tujuan-tujuan khas seperti puji, keji, kagum, perli dan seumpamanya.

### 3.2.6 Partikel Jenis Hakikat ( أَلِ لِلْجِنْسِ الْحَقِيقِيِّ الذِّهْنِيِّ )

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata nama untuk menerangkan hakikat sebenar unsur-unsur kata nama tersebut, yang mana secara keseluruhan ia meliputi semua unsur yang sejenis dengannya. ( Abbas Hassan: 1964)

Contohnya “الرَّجُلُ أَقْوَى مِنَ الْمَرْأَةِ” .

Maknanya “pada realitinya lelaki lebih kuat daripada wanita”

Maksudnya; hakikat orang lelaki pada keseluruhannya adalah lebih kuat daripada orang perempuan. Dengan maksud tidak menafikan adanya wanita yang lebih kuat daripada lelaki sama ada sedikit ataupun ramai. Partikel ini selalunya selalunya dipakai untuk tujuan diskripsi hakikat kelompok unsur kata nama tertentu. Ia juga perlu diberi perhatian oleh para penterjemah kerana perbezaannya dengan partikel “al” jenis mutlak tidak begitu ketara.

Bagaimanapun kita masih boleh mengesan perbezaan antara keduanya, kerana partikel ini lebih menjurus kepada diskripsi konsep dan masih mempunyai ruang-ruang pengecualian unsur maknanya.

Adapun partikel “al” pada kata nama jenis mutlak lebih menjurus kepada mencakupi unit-unit tanpa sebarang kemungkinan adanya pengecualian.

Contohnya sabda Nabi S.A.W ( الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ )

Yang bermaksud” Orang Muslim ialah mereka yang Muslim lain terselamat daripada lidahnya dan tangannya”.

Berdasarkan wacana hadith ini, Partikel “al” pada perkataan (المسلم) pertama adalah “ Partikel jenis hakikat”. Ia bermaksud menjelaskan hakikat individu Muslim secara keseluruhannya dan bukannya bertujuan merujuk kepada semua unit makna yang sejenis sesuatu kata nama.

Oleh tu, masih ada ruang-ruang pengecualian untuk mana-mana unit makna yang tidak menepati ciri sebenar seorang Muslim. Manakala Partikel “al” pada perkataan ( الْمُسْلِمُونَ ) pula adalah “Partikel untuk benda maklum” iaitu merujuk kepada orang Islam yang sedia kita maklumi.

### 3.2.7 Partikel Sifat Pelaku (أَل لِّصِفَةِ الْفَاعِلِ)

Iaitu partikel yang ditambah pada kata sifat yang diterbitkan melalui wazan ( فاعِل ) atau ( فَعَال ) atau ( فَعُول ) dan gugusannya. Partikel ini selalunya ditambah di awal kata sifat terbitan tersebut apabila merujuk seseorang atau sesuatu yang melakukan perbuatan secara berulang kali. (Mohd Rosdi: 2006).

Contohnya:

- a. “ الْأَمِينُ هُوَ الْقَائِلُ بِالْحَقِّ ”

Maksudnya “ *Orang yang amanah ialah orang selalu berkata benar*”

- b. “ النَّمَامَ قَوْلًا سَوْءًا ”

Maksudnya “*tukang umpat ialah orang yang sangat kerap berkata jahat*”

- c. “ الْوَصُولُ أَهْلُهُ هُوَ الْبَارُّ ”

Maksudnya “*orang yang baik itu ialah orang yang sangat kerap berhubung dengan keluarganya*”.

Apa yang penting di sini ialah, seseorang pelajar atau penterjemah perlu menghayati peranan sesuatu kata sifat pelaku dalam wacana bahasa asal dan membuat penyesuaian yang paling hampir dalam bahasa sasaran ketika memilih golongan kata yang paling sesuai untuk situasi tersebut.

### 3.2.8 Partikel Sifat Objek (أَل لِّصِفَةِ الْمَفْعُولِ)

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata sifat yang diterbitkan melalui wazan ( مَفْعُولٌ ). Partikel ini selalunya ditambah diawal kata sifat terbitan tersebut apabila merujuk kepada seorang atau sesuatu yang dilakukan secara berulang kali. (Mohd Rosdi:2006)

Contohnya : أَنْتَ الْمَسْئُولُ

Maksudnya “Awaklah orang yang dipertanggungjawabkan” .

Partikel “al” pada perkataan ( الْمَسْئُولِ ) dalam contoh tersebut merujuk kepada seseorang yang telah dipertanggungjawabkan dengan sesuatu tugas dalam tempoh yang lebih daripada sekali.

Daripada sini kita dapat katakan bahawa, makna morfologi kata sifat objek adalah bertentangan dengan makna morfologi kata sifat pelaku, kerana kata sifat

pelaku merujuk kepada pembuat, manakala kata sifat objek pula merujuk kepada apa yang dibuat. Pertentangan makna ini boleh dikesan dalam firman Allah :

{ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ }

Pada perkataan ( الضَّالِّينَ ) yang merujuk kepada mereka yang melakukan kesesatan dan ( الْمَغْضُوبِ ) yang merujuk kepada mereka yang dimarahi oleh Allah SWT.

Walaupun bagaimanapun, pertentangan ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk difahami oleh pelajar Melayu jika mereka menterjemah daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu. Namun mereka sering terlupa fungsi makna morfologi kedua-dua bentuk kata sifat tersebut apabila mereka menterjemah daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab.

### 3.2.9 Partikel Sifat Tabii (أَلِ لِلصِّفَةِ الْمُشَبَّهَةِ)

Iaitu Partikel yang ditambah pada kata sifat yang diterbitkan melalui wazan ( فَعِيل ) dan gugusannya dalam kategori kata sifat tabii. Ia selalunya ditambah di awal kata sifat yang merujuk kepada tabiat atau ciri semula jadi yang berkekalan ataupun mengambil masa yang lama pada seseorang atau sesuatu benda.

Contohnya (الرَّجُلُ الْكَرِيمَ لَا يَخُونُ غَيْرَهُ)

Maksudnya "lelaki yang mulia tidak mengkhianati orang lain".



Dalam contoh tersebut, perkataan ( الكريم ) tersebut merujuk kepada ciri mulia yang sentiasa ada pada lelaki tersebut. Dalam konteks ayat tersebut, Partikel “al” berada di awal kata sifat tersebut menyamai fungsi kata relatif pancangan ( الذي ). Perlu diingatkan sekali lagi bahawa dibawah kategori kata sifat, pelajar perlu berhati-hati apabila menterjemah dengan menggunakan kata sifat definit, iaitu sama ada ia didahului oleh kata nama atau pun tidak.

### 3.2.10 Partikel Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)

Iaitu partikel yang ditambah pada kata nama khas secara kekal dan tidak boleh dibuang sampai bila-bila. Contohnya pada perkataan ( اللات، اليسع، السموءل ) dan sebagainya. Partikel “al” jenis ini tidak mempengaruhi aspek makna. Terjemahan perkataan yang bersambung dengannya berlaku secara harfiah.

### 3.2.11 Partikel Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاضطرارية)

Iaitu Partikel yang ditambah secara sengaja ( bukan dengan sebab linguistik) tetapi untuk memenuhi keperluan rima syair atau puisi. Contohnya penambahan partikel ( أل ) pada perkataan ( الأوبر ) dalam bait syair : (Mohd Rosdi 2006: 65)

وَلَقَدْ جَنَيْتُكَ أَكْمُوا و عَسَاقِلَا \* وَلَقَدْ نَهَيْتُكَ عَن بَنَاتِ الْأَوْبَرِ

### 3.2.12 Partikel Tambahan Pilihan ( أَلِ الزَّائِدَةُ الْعَارِضَةُ الْاِخْتِيَارِيَّةُ )

Iaitu partikel yang ditambah pada kata nama khas yang diambil daripada kata dasar ( الْمَصْدَرُ ) atau kata terbitan ( الْمُشْتَقَّاتُ ) secara pilihan, atau merujuk kepada makna asal perkataan berkenaan atau tujuan pujian atau kejian atau harapan atau sindiran di samping fungsi morfologinya,

Contohnya boleh dilihat pada nama- nama seperti ( الْعَادِلُ , الْحَسَنُ , الْمَنْصُورُ , الْحُسَيْنُ ) dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan di atas tadi. Dalam terjemahan Melayu ia selalunya diungkap dengan gelaran “ si” , seperti: Si Cerdik, Si Gemuk, Si Bongkok dan sebagainya. (Mohd Rosdi:2006).

### 3.3 Nakirat (النَّكِرَةُ) dan Ma'rifat (المَعْرِفَةُ)

#### Pendahuluan

Linguis silam dalam penulisan mereka tentang ma'rifat turut membincangkan tentang nakirat, justeru apabila membincangkan tentang partikel “al” yang merupakan salah satu komponen ma'rifat adalah sawajarnya untuk turut memperkatakan tentang nakirat, keduanya berkaitan berkait rapat dan saling lengkap melangkapi.

Nakirat (indefinite) bermaksud setiap kata nama yang menunjukkan sesuatu

yang belum ditentukan (‘Abbas Hassan 1964:208, Ni’mat, Fuad 1973: 12).

Contohnya:

kita:b / kita:bun      كِتَابٌ

madrasat / madrasatun      مَدْرَسَةٌ

bait / baitun      بَيْتٌ

Ketiga-tiga nama diatas adalah keadaan *nakirat*. Sekiranya diujarkan satu persatu, maka tanda kasus/deklensi huruf akhir setiap perkataan dimatikan.

Tetapi jika disambungkan dengan perkataan lain, ianya ditandakan dengan simbol diakritik *tanwin*.

Diakritik tanwin sebenarnya adalah simbol sama ada dua lapis *dammat* ( ‘ ’ ) dua lapis *fathat*( $\text{---}$ ) atau pun dua lapis *kasrat* ( $\text{--}$ ) yang diberikan sebagai ganti bunyi fonem (ن) di hujung kata nama (Ahmad Hassan 1995:11). Setiap kata nama yang diberikan sebagai kata nama yang diberi tanda diaktrik *tanwin* menunjukkan bahawa perkataan tersebut adalah di dalam keadaan *nakirat* yang boleh disamakan dengan fungsi “a” di dalam bahasa Inggeris.

Contohnya:

kita:b / kita:bun      كِتَابٌ      bermaksud      ***a book***

madrasat / madrasatun      مَدْرَسَةٌ      bermaksud      ***a school***

bait / baitun      بَيْتٌ      bermaksud      ***a house***

Manakala kata nama ma'rifat bermaksud setiap kata nama yang menunjukkan ianya telah ditentukan (Ni'mat, Fuad 1973:12) iaitu penentu bagi menghilangkan keraguan dan maksud yang terlalu umum ('Abbas Hassan 1964:209).

Ibn Hisyam berpendapat bahawa kata nama ma'rifat terbahagi kepada enam iaitu:

- a) Kata nama yang diberikan partikel (أل)
- b) Kata nama khas (اسم علم)
- c) Kata nama demonstratif (اسم إشارَة)
- d) Kata nama penyambung (الاسم الموصُول)
- e) Ganti Nama (الضَمَائِر)
- f) Kata nama mudaf di dalam frasa idafat (الإِضَافَة)

Walaupun 'Abbas Hassan (1964:211) yang kemudiannya disokong oleh Ni'mat Fuad (1975:12) telah menambahkan jenis ma'rifat ketujuh iaitu:

- g) Kata nama seruan (يا المُتَنَادِي)

Bagi kata nama ma'rifat yang diberi Partikel penentu (أل) adalah sama maksudnya dengan fungsi "the" di dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, kata nama yang mempunyai partikel "al" tidak boleh lagi diberi tanda diaktrik *tanwin* pada huruf terakhir kata nama tersebut (Yasien Mohamed & Muhamed Haron 1998:30).

Ini adalah kerana tanwin dan (أل) tidak mungkin bertemu dalam satu masa sebagaimana “a” dan “the” dalam bahasa Inggeris yang tidak mungkin bertemu dalam satu masa. Sebagai ganti, ianya diberi tanda diakritik biasa sama ada *dammāt* ( ‘ ), *fathat*(<sup>ـَـ</sup>) ataupun diakritik *kasrat* (<sup>ـِـ</sup>).

Dalam Bahasa Melayu , untuk menentukan sesuatu kata nama perlu ditambah kata penunjuk (هذا) ini dan (ذلك) itu yang datang dalam pelbagai wajah berdasarkan genus dan bilangan. Namun jika sekadar untuk memberi pengkhususan pada sesuatu kata nama am, cukuplah hanya dengan memberi partikel “al”. Oleh itu di dalam kajian ini, pengkaji meletakkan “al” itu di dalam

“ ” .

### **3.4 Kekeliruan Tentang Partikel “al”**

Setelah kita melihat kepelbagaian ragam fungsi makna yang wujud kepada Partikel “al” serta pengaruhnya dalam wacana Arab seperti yang telah dijelaskan dalam tajuk sebelum ini. Penulis mendapati ia perlu diberi perhatian khusus dan serius dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu terutamanya pada peringkat menengah dan lanjutan.

Dalam bahagian ini, penulis akan memperlihatkan punca-punca kekeliruan dalam aplikasi Partikel tersebut dalam penulisan terutamanya aspek penterjemahan dan juga pertuturan.

Kekeliruan tentang Partikel sering berlaku dalam aspek-spek berikut:

i-Fonetik

ii-Morfologi

iii-Sintaksis

iv-Semantik

Bagaimanapun penulis berpendapat dalam proses pengajaran kefahaman teks serta terjemahan, pengetahuan dan kemampuan untuk membezakan partikel-partikel ini dari aspek morfologi dan sintaksis amat penting untuk diberi penekanan kerana ia mempengaruhi maksud sesebuah wacana. Dalam konteks ini, penggunaan partikel “al” yang betul amatlah diperlukan dalam menyampaikan makna yang tepat. Untuk memudahkan perbincangan, aspek-aspek kekeliruan tersebut akan dihuraikan secara satu persatu seperti berikut :

### **3.4.1 Kekeliruan dari aspek Fonologi**

Dari aspek fonologi (dipetik dari Mohd Rosdi:2006), kekeliruan para pelajar amat ketara ketika membezakan antara bunyi Partikel *al-Qamariyyat* (أل القمرية) dengan Partikel *al-Syamsiyyat* (أل الشمسية) dalam pembacaan mereka. Mereka

kelihatan keliru untuk membuat pengecaman antara dua bentuk Partikel “al” tersebut. Pada hakikatnya Partikel “al” ( أَلِ الْقَمَرِيَّةِ ) ialah unit yang diujar secara bunyi tak bersuara apabila bersambung (tanpa henti) dengan huruf terakhir perkataan lain sebelumnya, seperti dalam *rangkap*:

أَصَلِّي فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ

Maknanya : *Aku bersembahyang fardu Maghrib tiga rakaat.*

Partikel “al” yang terdapat pada perkataan ( الْمَغْرِبِ ) tersebut hendaklah diujar dalam bentuk bunyi tak bersuara secara bersambung dengan bunyi vokal “kasrat” pada huruf ( ب ) dalam perkataan ( الْمَغْرِبِ ) sebelumnya. Dalam ujaran tersebut, bunyi Partikel “al” tidak boleh dilenyapkan. Manakala Partikel “al” ( الشَّمْسِيَّةِ ), bunyinya akan dilenyapkan apabila berada di awal perkataan yang diujar secara bersambung dengan bunyi huruf terakhir dalam perkataan sebelumnya seperti yang terdapat dalam ungkapan al-Basmalah:

{ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ }

Dalam ayat tersebut Partikel yang terdapat pada perkataan ( الرَّحِيمِ ) ( الرَّحْمَنِ ) ( اللَّهُ ) akan mengalami “penyelapan bunyi” apabila diujar secara bersambung dengan perkataan -perkataan sebelumnya.

Kekeliruan pelajar dalam membezakan antara dua Partikel tersebut lebih ketara ketika mereka membaca teks yang tidak mempunyai tanda harakat, berbanding ketika mereka membaca teks petikan daripada al-Quran al-Karim.

Perlu ditegaskan disini, kekeliruan aspek fonetik ini tidak memberi kesan dalam proses mengarang terjemahan, kerana aspek ini tidak melibatkan makna kamus atau makna struktural.

### **3.4.2 Kekeliruan Aspek Morfologi**

Aspek kedua kekeliruan yang dapat dilihat ia aspek morfologi, kekeliruan pelajar lebih ketara dalam membuat pengecaman jenis-jenis partikel “al” dan memahami fungsi makna morfologi untuk setiap jenis tersebut. Kekeliruan ini kerap berlaku ketika menterjemahkan sesuatu kata nama yang merujuk kepada fungsi makna kelompok ( أَلِ الْجِنْسِيَّةِ ) dan fungsi makna “relatif” ( أَلِ الْمَوْصُولَةِ ), berbanding ketika merujuk kepada fungsi makna morfologi “definit” ( أَلِ الْعَهْدِيَّةِ ), masalah ini boleh dianggap begitu kritikal dalam proses terjemahan daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Ini adalah kerana setiap fungsi makna morfologi tersebut diungkap dengan cara yang berbeza dalam bahasa Melayu.

Mengikut tatabahasa Arab, untuk menyampaikan fungsi makna “kelompok” Partikel “al” tersebut hendaklah diterjemahkan dengan



menggunakan perkataan-perkataan daripada golongan kata bilangan kuantiti seperti, sekalian, semua, banyak, ramai dan sebagainya.

Contohnya:

- i. Seluruh masyarakat turut bergabung.
- ii. Rakyat hendaklah bersatu.

Terjemahannya:

- i. المَجْتَمَعُ مُتَّحِدٌ
- ii. أَنْ يَتَّحِدَ النَّاسُ

Dalam keadaan seperti ini, jika pelajar tidak dapat menghayati fungsi makna morfologi kata kuantiti tersebut, mereka mungkin akan menterjemahkan secara harfiyyah ke dalam bahasa Arab seperti berikut:

= كُلُّ الْمَجْتَمَعِ مُتَّحِدُونَ

= النَّاسُ يَجِبُ أَنْ يَتَّحِدُوا

Jelas kepada kita bahawa terjemahan seperti ini tidak menepati kehendak konteks wacana bahasa Arab fusha. Perlu di sebut disini bahawa kehadiran Partikel “al” (الجنسيّة) untuk fungsi makna “kelompok” ini alam wacana Arab tidak begitu kerap berbanding kehadirannya untuk fungsi makna “definit” (التّعريف) yang boleh diterjemah dengan “ini” atau “itu”.

Keadaan akan lebih mengelirukan lagi apabila partikel “al” yang membawa fungsi makna “kelompok” ini digunakan pada kata nama yang menjadi frasa subjek dalam ayat seperti dalam contoh (النَّاسُ مُتَّحِدُونَ). Mereka mungkin akan tertanya-tanya sama ada untuk menterjemahkan perkataan (النَّاسُ) tersebut “seluruh manusia” atau “manusia itu”. Dalam kes seperti ini seseorang penterjemah atau pengajar hendaklah mengambil kira aspek morfologi dalam terjemahannya, di samping tidak pula mengabaikan keperluan aspek sintaksis dalam susunan ayat terjemahannya itu.

Kedudukan in boleh diperhatikan ketika menterjemah perkataan (الْإِنْسَانَ) dalam firman Allah SWT, { وَالْعَصْرُ، إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ } . ketika mentafsir ayat tersebut

Dr. Muhammad Hassan al-Humaisiyy (hlm. 601 dipetik dari Mohd Rosdi (2006). Menterjemahkan Partikel “al” tersebut dengan maksud:

(جنسُ الإنسانِ المُكَلَّفِ), iaitu “kelompok manusia yang mukallaf”.

Bagaimanapun terjemahan versi Melayu ayat ini berbunyi: “Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian” tanpa menyebut perkataan “semua” untuk artikel

(أل الجنسية) yang terdapat pada perkataan tersebut. Ini kerana ia sudah boleh dikesan melalui konteks ayat tersebut dan ayat selepasnya. Dalam konteks tersebut, yang ingin ditonjolkan ialah hakikat keseluruhan manusia dalam kehidupan mereka seharian itu sentiasa berdepan dengan kerugian, melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh. Dalam keadaan ini, terjemahan

“semua” untuk artikel tersebut tidak perlu. Kedudukan ini perlu diberi perhatian oleh seseorang penterjemah .

Bagaimanapun tidaklah menjadi salah untuk menambah perkataan “semua” dalam terjemahan ayat tersebut.

### **3.4.2.1 Fungsi makna relatif.**

Dalam konteks Partikel “al” untuk fungsi makna “relatif” pula, ruang-ruang kekeliruan ini semakin terbuka dan pelbagai. Dalam kes ini, kebiasaannya ia berpunca daripada perbezaan aspek morfologi kata relatif yang begitu ketara antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab untuk fungsi makna tersebut. Mengikut tatabahasa Arab, Partikel “al” yang ditambah di awal sesuatu kata sifat terbitan akan membawa fungsi makna morfologi kata relatif. (‘Abbas Hasan: 1994 (juzuk 1, hlm 356).

Status Partikel “al” dalam keadaan tersebut menyamai status kata relatif pancangan ( الذي/التي ) dan gugusannya yang sering diterjemahkan dengan perkataan “yang” dalam bahasa Melayu.

Contohnya terjemahan Partikel “al” pada perkataan (المؤمنون) dengan perkataan “yang” yang menyamai terjemahan perkataan (الذي) selepasnya dalam firman Allah SWT:

{ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ , الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ } (al-Mu'minun: 1)

Terjemahannya:

“Sesungguhnya beruntunglah orang yang beriman, (iaitu) orang yang khusyuk’ dalam solatnya. (terjemahan al-Quran , Yayasan Penyelenggaraan Penterjemah (hlm 526))

Dalam konteks pemakaian partikel “al” relatif tersebut, pelajar Melayu tidak begitu peka dengan jenis golongan kata yang bersambung dengannya sama ada daripada golongan kata sifat atau tidak. Sedangkan kemampuan mengenali jenis golongan kata tersebut adalah petunjuk utama kepada bentuk terjemahan yang dilakukan oleh mereka. Dalam hubungan ini, adalah satu sebab kekeliruan ini adalah berpunca daripada metode penggolongan kata bahasa Melayu. Dalam bahasa Arab, kebanyakan sarjana bersetuju untuk menghadkan penggolongan kata kepada tiga sahaja, iaitu kata nama (اسم) , kata kerja(فعل) dan kata sendi (حرف).

Sedangkan penggolongan kata dalam bahasa Melayu adalah lebih terperinci, iaitu kata nama, ganti nama, kata sifat, kata kerja, dan kata tugas (Nik Safiah Karim:2006).

Dalam konteks bahasa Arab, perbezaan terperinci antara kata nama (الاسم), kata kerja(الفعل) dan kata dasar(المصدر) tidak diberi perhatian oleh pelajar Melayu

khususnya. Pelajar sering menganggap ketiga-tiga golongan kata tersebut adalah daripada kategori yang sama, iaitu kategori kata nama. Berpunca daripada kekeliruan ini, pelajar sering melakukan kesilapan aplikasi partikel “al” apabila merujuk kepada fungsi makna relatif.

Berbalik kepada partikel definit (أل) pula, kekeliruan pelajar tentang kaedah gunaannya tidaklah begitu ketara. Ia menyamai kata tunjuk “ini” atau “itu” dalam bahasa Melayu. Cuma apa yang perlu disedari ialah partikel ini selalunya dipakai pada sesuatu kata nama definit yang sering merujuk kepada salah satu daripada tiga keadaan, iaitu:

- i. Ketika merujuk sesuatu benda yang hadir di hadapan penutur dan pendengar atau kepada sesuatu tempoh masa terkini. contohnya “*Awak mesti dapatkan buku ini pada hari ini juga*”
- ii. Ketika merujuk kepada sesuatu benda yang tidak hadir dihadapan penutur dan pendengar tetapi sedia dimaklumi oleh kedua-dua pihak. Contohnya “*Awak dah baca buku itu?*”
- iii. Ketika menyebut untuk kali yang kedua sesuatu kata nama indefinit yang telah disebut sebelumnya dalam wacana.

Contohnya : “*Saya beli sebuah buku. Setelah membaca kandungannya saya dapati buku itu sungguh bernilai*”.

Dalam ketiga-tiga contoh ayat di atas, partikel “al” perlu ditambah di awal kata nama “buku” dan “hari” apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Daripada perbincangan tersebut, kita dapati bahawa kepekaan untuk membuat pengecaman dalam membezakan ketiga-tiga fungsi morfologi Partikel “al” amatlah mustahak untuk membantu dalam menggunakannya dengan tepat dalam penulisan atau terjemahan.

### **3.4.3 Kekeliruan Dalam Aspek Sintaksis**

Dalam aspek ini, kekeliruan pelajar ketika menggunakan partikel “al” begitu ketara pada tempat-tempat berikut:

- i. Penambahan partikel “al” di awal frasa sifat penerang (النعت) kepada sesuatu kata nama definit (الاسم المَعْرِفَة) sebelumnya.
- ii. Penambahan partikel “al” di awal frasa sifat penerang yang membawa fungsi nahuan kata nama definit sebelumnya yang telah digugurkan.
- iii. Penambahan partikel “al” di awal frasa sifat penerang kepada kata nama yang diselangi oleh kata sandaran definit (المُضَافُ إِلَيْهِ المَعْرِفَة) antara keduanya.

iv. Penambahan partikel “al” di awal sesuatu kata nama yang sudah definit.

Dalam kes pertama, iaitu “Penambahan partikel “al” di awal frasa sifat penerang (النَّعْت) kepada sesuatu kata nama definit (الاسم المَعْرِفَة) sebelumnya”, kekeliruan tersebut didapati sering berlaku berpunca daripada dua sebab utama, iaitu sama ada tidak memahami kaedah tatabahasa Arab dalam menggunakan kata sifat (الوصف) sebagai frasa keterangan sifat (النَّعْت), ataupun kerana kecuaiian dalam membuang pengamatan aplikasi kaedah tersebut. Di sini penulis berpendapat bahawa keupayaan dan kecekapan pelajar menguasai rumus tatabahasa tersebut dalam dua bahasa terlibat adalah mustahak.

Sila lihat contoh-contoh yang diberi di bawah:

i. ...وَصَلْنَا فِي السَّاعَةِ ثَلَاثَةَ فِي الْمَسَاءِ.

Maknanya : Kami sampai pada pukul tiga petang

ii. كُلُّ يَلْبَسُ الْمَلَابِسَ جَمِيلَةً وَجَدِيدَةً.

Maknanya : Semua memakai pakaian cantik dan baru

iii. فِي حَفْلَةِ عَائِشَةَ يُوجَدُ كَثِيرَةٌ مِنَ الْأَطْعَمَةِ لَذِيذَةً مِثْلَ الْأُرْزِ وَاللَّحْمِ.

Maknanya : Di majlis Aishah ada banyak makanan sedap seperti nasi dan daging

Berdasarkan konteks ayat , perkataan (ثَلَاثَةَ), (جَمِيلَةً), (جَدِيدَةً), dan (لَذِيذَةً) dalam contoh-contoh tersebut perlu ditambah Partikel “al” (المَوْصُولَةُ) di awalnya kerana

ia berfungsi sebagai frasa sifat penerang kepada kata nama (السَّاعَة), (المَلَابِس), dan (الأَطْعِمَة) sebelumnya.

Kesalahan seperti ini adalah serius mengikut tatabahasa Arab (Mohd Rosdi : 2006), kerana setiap frasa sifat keterangan (التَّعْت) perlu bertepatan rumusnya (أَحْكَامُ الْمُطَابَقَةِ) dengan kata nama sebelumnya daripada segi bilangan (الْعَدَد), jantina (الْجِنْس), ketentuan (التَّعْيِين), dan tanda kasus (الإِعْرَاب),

Perlu disebut juga bahawa penggunaan kata nama (ثَالِثَة) pada posisi frasa sifat penerang kepada kata nama (السَّاعَة) dan contoh pertama di atas adalah tidak tepat. Ia sepatutnya diubah kepada bentuk kata sifat (ثَالِثَة) dalam ujaran (فِي السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ مَسَاءً) . Kesalahan-kesalahan aspek lain dalam contoh pertama di atas tidak disentuh disini kerana tidak termasuk dalam perbincangan ini.

Selain itu ditegaskan sekali lagi bahawa kekeliruan ini juga sering berpunca daripada kegagalan pelajar membuat padanan penggolongan kata yang tepat ketika melakukan terjemahan, terutamanya daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Fakta ini adalah berasas kerana tidak semua frasa sifat penerang (frasa adjektif) itu dibentuk daripada kata sifat. Kerapkali juga kata kerja (الْفِعْل) atau ayat kerjaan (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّة) atau ayat namaan (الْجُمْلَةُ الْاِسْمِيَّة) diolah sebagai frasa adjektif kepada kata nama sebelumnya.



Berdasarkan kepada pengalaman penulis sebahagian besar pelajar Melayu tidak dapat memahami dan menguasai fungsi nahuan *ayat kerjaan* atau *ayat namaan* yang hadir sebagai frasa sifat penerang dalam penulisan dan terjemahan mereka. Untuk melihat ruang-ruang kekeliruan tersebut, sila lihat kesemua frasa sifat (berhuruf condong) dalam petikan ini (Mohd Rosdi :2006)

Apa itu penyakit denggi?

Denggi merupakan sejenis penyakit *berjangkit yang disebabkan* oleh virus bawaan nyamuk aedes.

Apakah tindakan *yang perlu* dilakukan?

Mengamalkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan untuk mengelakkan gigitan nyamuk aedes.

Dalam contoh di atas, perkataan ”*berjangkit*” dan “*disebabkan*” adalah bukan daripada golongan kata sifat dalam bahasa Melayu, tetapi berfungsi sebagai frasa adjektif kepada kata nama indefinit “*penyakit*” sebelumnya. Fenomena seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan kepada mereka yang baru terlibat dalam bidang terjemahan.

Dalam konteks ayat bahasa Arab, frasa sifat “*berjangkit*” tersebut lebih tepat diterjemahkan menggunakan frasa sifat perbuatan (جملة فعلية نعتية) yang tidak melibatkan penggunaan Partikel “al” sama sekali. Manakala frasa relatif “yang

disebabkan)” pula lebih sesuai diterjemahkan dengan frasa genitif(الجار والمجرور) seperti terjemahan di bawah:

" الدِينْغِي هُوَ مَرَضٌ يُعْذِي بِوَسِيلَةِ الْجَرَائِمِ الَّتِي تَنْقُلُهَا الْبَعُوضَةُ "اللايس "

Maknanya : *Denggi merupakan sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus bawaan nyamuk aedes.*

Dalam terjemahan tersebut, frasa adjektif (يُعْذِي) tersebut sudah membawa fungsi nahuan sebagai frasa keterangan sifat (جملة نعتية) kepada kata nama indefinit (مرض) sebelumnya. Dalam konteks ayat tersebut, penggunaan frasa ini lebih tepat berbanding kata sifat biasa iaitu (معد) kerana frasa tersebut boleh menonjol unsur makna” pengulangan secara bertempoh “ (الحدوث و التجدد) kepada berlakunya proses jangkitan tersebut. Adapun jika kata sifat biasa tersebut diguna, ia akan membawa pengertian berlakunya proses jangkitan secara berterusan ataupun setidak-tidaknya dalam satu tempoh masa yang panjang. Dalam bahasa Arab, frasa adjektif kerja tersebut dikenali sebagai “ayat tambahan” (الكلام الفضلة). Berbalik kepada frasa relatif “yang disebabkan” pula, penterjemahnya menggunakan frasa genitif (بوسيلة) adalah lebih sesuai melihat kepada fungsinya sebagai pelengkap (مُتَعَلِّق) kepada makna kata kerja(يُعْذِي) sebelumnya.

Adapun perkataan “perlu” yang berada selepas kata relatif “yang” dalam contoh seterusnya adalah daripada golongan kata sifat. Ia sudah pasti boleh dikenali

dengan lebih mudah oleh penterjemah. Berdasarkan konteks ayat tersebut, ia juga berada selepas kata nama “tindakan” yang definit. Dalam kedudukan seperti ini, ia lebih tepat diterjemahkan dengan menggunakan kata definit seperti di bawah:

"مَا هِيَ الْخُطَوَاتُ الْأَسَاسِيَّةُ الَّتِي يَجِبُ أَنْ نَسْتَعِدَّ بِهَا"

Dalam terjemahan tersebut, kita dapati kata sifat (الاساسية) yang dipakai adalah terbitan daripada gabungan kata nama (أساس) yang morfem (ي) diakhirnya. Di sini, penambahan Partikel “al” pada frasa (الأساسية) tersebut adalah perlu mengikut hukum rumus yang telah dijelaskan tadi.

Berdasarkan kepada hal yang dijelaskan tadi, pelajar perlu menguasai konsep penggolongan kata dan bentuk-bentuk kehadiran (gaya bahasa) frasa sifat penerang menurut kaedah tatabahasa Melayu dan Arab supaya dapat melakukan penterjemahan yang benar-benar tepat.

Dalam kes kedua, iaitu “Penambahan Partikel (al) di awal frasa sifat penerang (النعته) yang membawa fungsi nahuan kata nama definit sebelumnya yang telah digugurkan” pula, kekeliruannya sering berlaku apabila kata sifat tersebut berfungsi sebagai subjek (المبتدأ) atau pelaku (الفاعل) atau pengganti pelaku (مجرور) atau objek (المفعول به) atau anjung ayat (نائب الفاعل) .

Bagaimanapun penambahan Partikel “al” pada kata sifat yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat tidaklah begitu mengelirukan berbanding fungsi-fungsi nahuannya yang lain. Ini kerana kebanyakan pelajar sudah mengetahui bahawa subjek perlu hadir dalam bentuk definit (معرفة) apabila ia merujuk sesuatu yang sedia dimaklumi oleh penutur dan pendengar. Namun begitu tidak semua pelajar peka dengan rumus ini.

Contoh kesilapan

Kesilapan terdapat pada perkataan yang bergaris’

"أَسْرَيْي تَنْكُونُ مِنْ ثَلَاثَةِ أُخُوَّةٍ وَثَلَاثِ أَخَوَاتٍ , ثَلَاثَةٍ فِي الْجَامِعَةِ , وَثَلَاثَةِ أُخْرَى يَدْرُسُ فِي الْمَدْرَسَةِ  
النَّقْوَى"

Dalam contoh tersebut, perkataan (ثَلَاثَةٍ) dalam ayat (ثَلَاثَةٍ فِي الْجَامِعَةِ) diujar secara indefinit dan tanpa kehadiran sebarang penanda wacana tambahan, sedangkan ia berfungsi sebagai frasa subjek (المبتدأ).

Kesalahan seperti ini berat dalam penulisan bahasa Arab, ia selalunya berlaku kerana kecuaiian, buktinya jika kita lihat kepada penggunaan perkataan tersebut sebagai frasa subjek dalam ayat (ثَلَاثَةِ أُخْرَى يَدْرُسُ فِي الْمَدْرَسَةِ) pula, ia dihadirkan bersama kata sifat (أُخْرَى) sebagai frasa adjektif. Penambahan frasa ini menjadi

penanda wacana yang memungkinkan sesuatu kata nama indefinit berada pada frasa subjek.

Selanjutnya, adapun penambahan Partikel “al” pada sesuatu kata sifat yang membawa fungsi nahuan selain frasa subjek pula, ia perlu dibuat jika kewujudan kata nama definit yang tidak disebut itu masih boleh dikesan oleh pendengar atau pembaca berdasarkan konteks wacananya. Contohnya kata sifat (المنافقون) dan (المنافقين) dalam firman Allah S.W.T. dalam surat al-*munafiqun*, ayat pertama

{ إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ }

Maksudnya:

“Apabila datang kepada mu (wahai Muhammad) *orang munafik itu*, mereka (pasti) berkata: “Sesungguhnya engkau adalah (benar-benar) utusan Allah”. Walhal Allah memang tahu sesungguhnya engkau itu adalah utusannya .. dan Allah bersaksi bahawa *orang munafik itu* sememangnya pendusta”.

Dalam ayat di atas, kat sifat (المنافقون) berfungsi sebagai frasa pelaku (الفاعل) kepada kata kerja (جاءك) sebelumnya dan kata sifat (المنافقين) pula berfungsi sebagai frasa subjek (المبتدأ) kepada prediket (لكاذبون) selepasnya. Dalam kedudukan tersebut, kedua-dua kata sifat tersebut mendapat status definit dengan penambahan Partikel “al” (الموصولة) tersebut. Namun penambahan Partikel “al”

tersebut perlu kerana kedua-dua kata sifat tersebut, mengikut konteks asal ayat berkenaan sebenarnya berfungsi sebagai frasa sifat penerang (الذمت) kepada kata nama definit (الناس) yang tidak disebut sebelumnya kewujudan kata nama (الناس) dalam wacana ayat berkenaan terbukti dengan jelas apabila kedua-dua frasa sifat tersebut diterjemahkan dengan makna “orang munafik” dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun oleh sebab kata nama definit (الناس) tersebut hanya merujuk kepada suatu konsep makna yang umum, dalam konteks wacana bahasa Arab perlu digugurkan (tidak disebut) daripada ayat tersebut.

Konsep “makna umum” (المعنى العام) ialah makna yang boleh ditanggapi atau dicerapi oleh minda dengan mudah berdasarkan konteks ayat berkenaan.

Selain itu pengguguran tersebut didapati lebih menepati keperluan wacana yang bertujuan menonjolkan unsur “penghinaan” atau “celaan” kepada kelompok manusia yang suka berpura-pura seperti itu. Dari aspek semantik, pengguguran tersebut sebenarnya telah menjadikan pemikiran pembaca lebih terarah secara langsung kepada sifat-sifat orang munafik tersebut berbanding aspek fizikal mereka. Olahan gaya bahasa seperti ini sudah tentu memberi kesan yang mendalam kepada pendengar atau pembaca dalam menghayati mesej yang ingin disampaikan. Dalam kedudukan seperti ini, penambahan Partikel “al” pada kedua-dua frasa tersebut amat perlu.

Tanpa kehadiran partikel “al” tersebut, pembaca akan tertanya-tanya siapakah rujukan kedua-dua frasa adjektif tersebut. Apabila sesuatu wacana tidak dapat menyampaikan mesej yang jelas ia dianggap cacat dan apa-apa proses penterjemahan yang berasaskan wacana tersebut dikira gagal.

Seterusnya, dalam kes ketiga, iaitu “penambahan partikel “al” di awal frasa sifat penerang kepada kata nama yang diselangi oleh kata sandaran definit (المُضَاف إلى المَعْرِفَة)”.  
المُضَاف إلى المَعْرِفَة

Antara aspek kekeliruan lain ialah “penambahan Partikel “al” di awal sesuatu kata nama yang sudah berstatus definit” adalah antara kekeliruan yang paling kerap ditemui dalam tulisan atau terjemahan ke dalam bahasa Arab dalam kalangan peajar Melayu .

Contoh kekeliruan

i. نَدْرُسُ فِي الْجَامِعَةِ مَالَايَا , كُولَا لُومْفُور

Maknanya : Kami belajar di Universiti Malaya, Kuala Lumpur

ii. حَمَلْتُ مِثْلَ الْمَلَابِسِ مَعَ الْجِلْبَابِ وَالصُّورِ حَيْثَمَا فِي الْمَالِيزِيَا

Maknanya : Saya membawa seperti pakaian bersama tudung dan gambar ketika kami di Malaysia.

Dalam contoh pertama, kata nama (الْجَامِعَةُ) tidak perlu ditambah partikel (ال) kerana ia sudah berstatus definit dengan kedudukannya sebagai kata sandar

(ماليزيا) kepada kata nama khas (ملايا) selepasnya. Begitu juga perkataan (المضاف) dalam contoh kedua dan keempat adalah nama khas yang tidak memerlukan penambahan partikel sama sekali.

#### 3.4.4 Kekeliruan dalam aspek semantik

Kekeliruan aplikasi partikel “al” dalam aspek ini tidak kerap berlaku kerana kebanyakan pelajar tidak menyedari kewujudan fungsi semantik ini. Hasilnya mereka tidak menggunakannya dalam penulisan atau penterjemahan secara ringkas, fungsi semantik partikel “al” boleh diasingkan kepada dua bentuk makna seperti berikut:

- 1) Partikel (ال) yang ditambah pada sesuatu kata nama khas, secara sengaja untuk menimbulkan kesan atau makna tertentu di hati penama berkenaan sama berunsur pujian dan kejian ataupun optimis dan pesimis. Kesan-kesan semantik ini boleh kita lihat pada nama-nama khas ini الكَامِلُ الضَّحَّاكُ المَدْتَوَكَّلُ، dan sebagainya.

Dengan penambahan Partikel “al” tersebut, penama-penama berkenaan akan menyedari dan dapat merasai kesan semantik Partikel tersebut apabila mereka diseru nama-nama tadi. Perlu diingatkan bahawa kesan makna semantik ini berkait rapat dengan makna leksikal sesuatu



perkataan. Berasaskan makna leksikal tersebut penama yang diseru itu akan mampu membuat tafsiran terhadap makna semantik yang dimaksudkan oleh seseorang penutur.

- 2) Partikel “al” yang dipakai pada kata nama yang menjurus kepada sesuatu benda yang telah tersohor dalam kalangan khalayak. Apabila kata nama definit tersebut diujar, pendengar atau pembaca akan terus memahami makna tersebut dan tidak lagi merujuknya kepada unsur makna lain yang sejenis dengannya. Fungsi makna ini boleh dilihat pada nama-nama seperti (الصدُف), iaitu al-Quran al-karim(الرَسُود), iaitu Muhammad S.A.W. (السُدنة) iaitu hadis-hadis Rasulullah SAW, ( المَدِينَة المُنْدُورَة ), iaitu kota suci di negeri Arab Saudi.

### **3.5 Kedudukan Partikel “al” Bahasa Arab Dalam Konteks Pelajar Melayu**

Berdasarkan punca-punca kekeliruan yang telah dijelaskan tadi, seseorang pelajar atau penterjemah perlu memahami kedudukan partikel “al” tersebut dalam bahasa Arab secara lebih dekat. Bagaimanapun perlu disebutkan di sini bahawa pelajar-pelajar bahasa Arab di Malaysia tidak begitu didedahan secara mendalam tentang

Partikel ini. Rata-rata mereka hanya mengenali partikel ini sebagai tanda definit dalam pengertian yang begitu sempit dan terlalu gramatikal.

Fungsi makna morfologi dan sintaksis partikel ini tidak difahami dengan jelas. Apa yang mereka tahu ialah jika sesuatu perkataan itu hadir bersama partikel ini, ia berstatus definit (المعرفة) . Sebaliknya jika ia hadir tanpa partikel tersebut, ia berstatus indefinite (نكرة) . Tetapi apa yang lebih malang ialah mereka tidak memahami hakikat status ketentuan (مَرَاتِبُ التَّعْيِينِ) tersebut dan faedah gunanya dalam konteks ayat.

Penulis telah membuat tinjauan ke atas semua tajuk-tajuk sukatan buku teks terkini tingkatan satu hingga tingkatan lima untuk pelajaran bahasa Arab yang dikeluarkan oleh kementerian Pendidikan Malaysia. Hasilnya didapati kepentingan partikel “al” tidak diberi perhatian khusus, kecuali dalam tajuk yang begitu terhad. Persoalannya, “Bolehkah kita bertutur atau menulis dalam bahasa Arab tanpa melibatkan partikel tersebut?” Jawapannya “sudah tentu tidak”.

Melihat kepelbagaian fungsi partikel “al” dalam huraian di atas, adalah mustahil seseorang itu boleh melakukan aplikasi tersebut secara betul dan tepat jika tidak menghayati kesemua jenisnya secara teliti. Justeru penulis mencadangkan kepada mereka yang bertanggung jawab supaya mengambil perhatian terhadap permasalahan-permasalahan yang ditimbulkan.

### **3.6 Penutup**

Daripada perbincangan di atas, didapati aplikasi partikel “al” dalam penguasaan bahasa Arab adalah amat penting. Begitu juga dalam aspek pengajaran terjemahan bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Ia perlu diberi perhatian oleh mereka yang terlibat dalam bidang ini. Proses aplikasi tersebut perlu mengambil kira aspek morfologi, sintaksis dan juga semantik. Kecuaian mematuhi kaedah tatabahasa dan pengabaian disiplin pengamalannya sudah pasti akan mencacatkan hasil terjemahan yang dipersembahkan. Ini sudah tentu yang diterjemah itu tidak tepat. Penulis berharap semoga penjelasan di atas dapat didedahkan kepada pelajar bahasa Arab semasa di peringkat yang sepatutnya, khususnya tentang kedudukan partikel “al” dalam bahasa Arab.

Dalam bab yang kelima, penulis akan membentangkan kajian yang dilaksanakan ke atas pelajar untuk membuktikan secara fakta bagi melihat aspek penguasaan pelajar terhadap fungsi-fungsi setiap jenis partikel “al”.